



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENYELENGGARA STOR TINGKAT KHAS (C.2 EB.3)
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENYELENGGARA STOR TINGKAT KHAS
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) *BDTVEC / BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang *Accounting / Administration / Business and Management / Simpan Kira* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Penyelenggara Stor Tingkat I dalam tangga gaji D.4 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan jawatan.

ATAU

- iv) Pernah berkhidmat sebagai anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan berpangkat sekurang-kurangnya sebagai Pegawai Waran II atau anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan berpangkat sekurang-kurangnya sebagai Inspektor serta mempunyai pengalaman dalam hal ehwal penyelenggara stor dan mempunyai rekod prestasi yang bersih dalam kerjanya.



2. Mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam bidang ilmu Simpan Kira dan / atau Perakaunan dan/atau dalam Pengurusan Stor / Kakitangan dan / atau pembelian alat-alat adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Pengurus Bahagian Pengurusan Stor untuk pengurusan pengendalian stor-stor dan pentadbiran kakitangan Bahagian Pengurusan Stor pada keseluruhannya;
2. Menyelaras hal ehwal penerimaan, penyimpanan, pengeluaran dan pemeliharaan barang-barang dengan sempurna;
3. Menyelaras hal ehwal pelupusan / hapus kira barang-barang stor dan memastikan ianya mengikut dasar / peraturan / sistem yang berkuatkuasa masa kini;
4. Memastikan semua rekod / akaun / *ledger* / buku stok sentiasa kemaskini / teratur mengikut dasar / peraturan / sistem yang berkuatkuasa masa kini;
5. Menyelia / mengurus perancangan pembelian barang-barang mengikut permohonan / paras stok diperlukan;
6. Meneliti dan memastikan semua pesanan permohonan barang atau bagi penambahan stok adalah dibuat dengan kemas dan teratur; dan
7. Memastikan laporan / penyata hal ehwal kawalan stok, pemeriksaan stok, pelupusan / hapus kira terhadap barang-barang stor dibuat dengan teratur dan sempurna.